

SIARAN MEDIA

RM35.84 JUTA PERUNTUKAN DISALURKAN BAGI PROJEK MENAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM DI KEDAH

ALOR SETAR, 24 Jun 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan pembangunan BP.1 bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah berjumlah RM35.84 juta pada petang ini. Ini adalah termasuk peruntukan sebanyak RM3.78 juta yang melibatkan 13 projek yang diluluskan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar sehingga Jun 2023.

Dalam lawatan kerja beliau ke Alor Setar, YB KM turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 lagi bagi kerja-kerja menaik taraf Pasar Teluk Wanjah, Jalan Tunku Abdul Halim Halim seperti mengecat semula bangunan pasar, penggantian longkang dan laluan dalaman pasar, pemasangan saluran paip air kotor, membaik pulih loji kumbahan, membaik pulih longkang luar bangunan, membina tempat letak motorsikal, menurap semula laluan dan dataran niaga luar pasar, *waterproofing*, talang air hujan dan laluan OKU.

YB KM turut turun padang meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur berkaitan di Dewan Dato' Syed Omar dan Projek Longkang Taman Pulau Jaya, Alor Setar.

Jumlah peruntukan yang telah diumumkan ini meliputi projek-projek seperti berikut;

1. Membina Dataran Kejat di Medan Selera Darul Aman termasuk kerja-kerja berkaitan;
2. Menaik taraf infrastruktur Pasar Malam Mergong Jaya;
3. Membina Dewan Dato' Syed Omar;
4. Menaik taraf lampu limpah dan Padang Bola Sepak di Kompleks Mini Stadium Peremba;
5. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Sri Impian;
6. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Angsana;
7. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Mas Merah;
8. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Desa Kamela;

9. Menyelenggara Kolam Takungan Hutan Kampung;
10. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Vistana;
11. Menyelenggara Kolam Takungan Taman Desa Barat, Lebuhraya Sultanah Bahiyah;
12. Menaik taraf Sistem Perparitan di Taman Pulaui Jaya, Jalan Langgar; dan
13. Menaik taraf Sistem Perparitan di Lorong Bunga Raya, Tongkang Yard.

Menurut YB KM, “Penyaluran peruntukan ini merupakan ‘sentuhan kasih’ KPKT dalam meningkatkan kualiti fasiliti awam khususnya di sekitar Alor Setar sebagai salah satu usaha mempergiat dan merancakkan ekonomi demi manfaat penduduk setempat.”

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tan Kok Yew, ADUN Derga; YB Teh Swee Leong, ADUN Kota Darul Aman; Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Haji Mohd Yusri bin Haji Md Daud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

